

# Pencapaian pendidikan tertiar meningkat

U.S 8.3.10 pg 3

## INFO:

3.3 juta orang mempunyai pendidikan tertiar, 7.5 juta berpendidikan menengah, 1.14 juta pendidikan rendah manakala 0.5 juta tidak mempunyai pendidikan formal

## MAHATHIR HAROUN

KUCHING, Ahad - Jumlah tenaga kerja yang mempunyai pencapaian pendidikan di peringkat tertiar dijangka meningkat kepada 12.4 juta pada tahun ini bagi memenuhi permintaan ekonomi berasaskan pengetahuan.

Menteri Muda Pembangunan Perindustrian Dr Abang Haji Abdul Rauf Abang Zen berkata, daripada jumlah itu, 3.3 juta orang mempunyai pendidikan tertiar, 7.5 juta berpendidikan menengah, 1.14 juta pendidikan rendah manakala 0.5 juta tidak mempunyai pendidikan formal.

Beliau berkata, pada masa ini Kementerian Sumber Manusia berusaha untuk meningkatkan peluang pekerjaan dan tenaga mahir untuk anak-anak tempatan selain berhasrat mencapai 100 peratus keluaran daripada agensi-agensy latihan mendapat pekerjaan.

"Selaras dengan dasar untuk beralih kepada aktiviti ekonomi yang berintensifkan teknologi dan nilai tambah, pengambilan

pekerja asing akan dilaksanakan secara bijaksana.

"Bilangan pekerja asing akan dikurangkan secara beransur-ansur bagi menyediakan peluang pekerjaan yang lebih besar kepada tenaga kerja tempatan dan mengurangkan pengaliran keluar tukaran wang asing serta kos pentadbiran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian Sijil Program Latihan Modal Insan Bagi Keperluan Tenaga Manusia di Bawah Pakej Rangsangan Nasional 2009 untuk Koridor Tenaga Yang Boleh DiPerbaharui Sarawak (SCORE) di sini, malam semalam.

Hadir sama Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Profesor Dr Khairuddin Ab Hamid, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UNIMAS Prof Madya Mohd Fadzil Abdul Rahman, Pengerusi Brooke Dockyard & Engineering Work Corporation Datuk Abang Haji Abdul Karim Tun Openg dan Datuk Bandar Dewan Bandaraya Kuching Utara



**TAHNIAH...** Dr Abang Haji Abdul Rauf Abang Zen menyampaikan Sijil Program Latihan Modal Insan Bagi Keperluan Tenaga Manusia di bawah Pakej Rangsangan Nasional 2009 untuk SCORE kepada salah seorang peserta dalam majlis yang diadakan di Kuching, malam semalam. • RAMIDI SUBARI

(DBKU) Haji Mohamad Atei tri. Abang Medaan.

Menurut Rauf, memang tidak dinafikan terdapat cabaran yang bakal dihadapi dalam mengeluarkan modal insan yang berkemahiran untuk industrinamun ia memerlukan kerjasama dan hubungan erat di antara institut latihan dan pemain indus-

tri. "Sekiranya kerjasama dan hubungan erat kedua-dua pihak dapat dijalinan, ia sudah pasti dapat membantu mengatasi keperluan tenaga kerja mahir bagi menampung keperluan modal insan untuk melaksanakan projek pembangunan SCORE," ujarnya.

Sementara itu, seramai 230 orang peserta telah menamatkan program latihan keperluan tenaga manusia yang dianjurkan oleh UNIMAS.

Peserta-peserta terdiri daripada pegawai kerajaan, usahawan dan orang awam yang terlibat dalam 22 kursus jangka pendek.